

# 'Skim Graduan' AIM bantu peserta tingkat kemajuan

TEMERLOH 11 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) memperkenalkan 'Skim Graduan' bagi membantu peserta-peserta yang berpendapatan rendah meningkatkan perniagaan mereka.

Sambil mengumumkan peruntukan dana sebanyak RM100 juta kepada AIM, Perdana Menteri berkata, skim itu perlu diberi perhatian walaupun tujuan AIM terkeluar daripada matlamat asal penubuhannya untuk membela golongan benar-benar miskin.

"AIM bukan sahaja khusus untuk membasmi kemiskinan tegar, tetapi Pak Lah fikir perlu juga berikan perhatian kepada skim ini untuk membantu peserta-peserta yang berada di peringkat bawah sehingga mencapai tahap yang lebih tinggi dalam bidang yang "diceburi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis sambutan ulang tahun ke-20 Kredit Mikro Ikhtiar di Malaysia dan melancarkan Tabung Kebajikan dan Kesejahteraan Sahabat (TKKS) AIM, di Stadium Temerloh, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob dan kira-kira 9,000 peserta AIM dari seluruh negara.

Perdana Menteri berkata, melalui skim berkenaan, peserta-peserta terabit yang telah lulus" melalui bantuan peringkat pertama AIM, akan terus diberikan sokongan supaya berjaya pula dalam bidang industri kecil dan sederhana (IKS) yang dikenal pasti.

"Maknanya, mereka yang berpendapatan rendah boleh meningkatkan perniagaan mereka melalui skim ini, kalau peringkat bawah, mereka naik sikit-sikit, tentu mereka lebih yakin untuk lebih maju.

"Selepas itu (mereka melepasi skim graduan), mereka bolehlah membuat pinjaman dari bank pula sehingga mereka behar-benar berjaya untuk mencapai tahap lebih tinggi," katanya

Abdullah berkata, banyak kaedah telah diperkenalkan bagi membasmi kemiskinan membabitkan semua kaum memandangkan pada peringkat awal, kadarkemiskinan di negarainimelebihi 50 peratus.

"Dengan pelbagai usaha yang dijalankan, hari ini kita mendapati hanya 5.7 peratus sahaja penduduk yang miskin dan ini dialu-alukan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai kejayaan nombor satu di dunia dalam memerangi kemiskinan," katanya.

Sehubungan itu kata beliau, kerajaan perlu mengurangkan lagi kadar kemiskinan pada 2010 dengan menghapuskan kemiskinan tegar sedia ada dengan secepat mungkin.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Pengarah AIM, Datuk Amihamzah Ahmad berkata, pihaknya sedang berusaha mengurangkan kos pembiayaan bagi setiap RM1 yang dikeluarkan kepada 7 sen berbanding 10 sen sekarang.

Menurutnya, ini kerana semakin rendah kos pembiayaan, maka semakin banyak keluarga miskin dapat dijangkau sekali gus boleh merendahkan lagi kos transaksi.

Mengenai penubuhan TKKS, beliau berkata, ia bertujuan mengawal masalah pinjaman berisiko yang kini berada pada paras lima peratus selain melindungi sahabat ketika ditimpa bencana